

Buat perancangan awal tenaga kerja

BH - 5/4/2006

Sediakan latihan dengan kemahiran diperlukan: PM


Oleh Kadir Dikoh
dan Shamsul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua agensi yang terbabit dalam pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), merancang dengan terperinci aspek tenaga kerja.

Perdana Menteri berkata, kajian menyeluruh mengenai pembangunan projek terutama yang membatikan sektor perindustrian atau guna tenaga perlu dibuat dengan mengambil kira aspek latihan pekerja.

"Bila dah ditetapkan kategori, kita mulakan latihan dengan memberi kursus yang ada hubung kait dengan kemahiran yang diperlukan di situ," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, jika keperluan tenaga pekerja dianggarkan 2,000 orang, jumlah pelatih yang sama perlu ditawarkan peluang latihan dan keluar dengan kelayakan atau



kemahiran yang diperlukan.

"Dulu, tak fikir tenaga kerja. Lepas projek dah siap baru nak cari pekerja. Itu kadang-kadang membawa kesusahan kerana pekerja yang ada tak cukup atau tidak ada kemahiran yang dikehendaki," katanya.

Abdullah berkata, ini menyebab-

“*Inilah yang dipanggil perancangan. Kena rancang awal-awal... kena bincang dengan industri, berapa pekerja dan apa kategorinya”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

kan ada pihak mencari jalan senang dengan mengambil pekerja asing sehingga rakyat tempatan tidak dapat manfaat daripada peluang yang diwujudkan.

"Kita juga tak mahu, sebagai contoh, apabila hospital siap dibina, doktor tak ada. Bila tak buat hospital,

orang marah dan apabila hospital dah siap pun, mereka masih marah kerana doktor tak ada," katanya.

Perdana Menteri berkata, perancangan terperinci mengenai sesuatu projek amat penting bagi mengelak rakyat menanggung beban atau menghadapi masalah walaupun selepas ia siap dibangunkan.

Sementara itu, katanya, semua projek di bawah RMK-8 yang belum dilaksanakan akan diteruskan dalam RMK-9 kerana tidak semua dapat dijayakan pada tahun pertama RMK-8 dilancarkan.

"Teruskan... jika projek sedang berjalan kena diteruskan. Dalam sektor pembangunan, ada projek berterusan kerana ia kesinambungan dalam pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Ini kerajaan yang sama. Tidak timbul soal kerajaan sebelum ini kerana sesuatu projek tidak semestinya selesai dalam tempoh lima tahun dan ada yang mengambil masa sehingga masuk RMK-9," katanya.